

Petwakilan dedah penyelewengan Pas

BH 24 JUN 2001

PAS terus menjadi sasaran perwakilan di Perhimpunan Agung Umno semalam apabila satu demi satu penyelewengan dan pembohongan pemimpin parti itu selama ini didedahkan.

Ini termasuk pelaksanaan hukum Islam jika memerintah, kerjasama dengan DAP, membongkar penyelewengan yang didakwa dilakukan oleh pemimpin Umno Terengganu dan pelbagai janji lain menjelang pilihan raya lalu.

Wakil Perhubungan Umno Kedah, Mohd Kamal Saidin, berkata Pas kononnya ingin menegakkan hukum hudud, tetapi niat mereka ialah apabila mereka menyerahkan enakmen itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mereka tahu Perdana Menteri akan tolak.

"Pemimpin Pas tahu apa yang mereka buat adalah salah, tetapi niat mereka ialah apabila mereka menyerahkan enakmen itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mereka tahu Perdana Menteri akan tolak.

"Jadi, mereka akan kata Perdana Menteri kita adalah kafir dan Umno menolak hukum Allah. Siapa yang patut disalahkan di sini? Siapa sebenarnya yang pertahankan agama Islam selain Umno sendiri," katanya ketika membahaskan usul agama di Perhimpunan Agung Umno di sini.

Beliau berkata, Umno selama ini sudahpun melaksanakan sistem Islam di negara ini seperti sistem perbankan, sistem pendidikan dan sistem perundangan syariah.

Sehubungan itu, beliau meminta barisan ulama dan pemimpin Umno supaya bersama-sama turun ke padang dalam mendedahkan penyelewengan dan pembohongan Pas itu.

Kamal juga berkata, apabila Umno mula bekerjasama dengan MCA dan MIC, Pas turut menyelar Umno sebagai sebuah par-

ti yang bekerjasama dengan orang kafir dan ini dikatakan bertentangan dengan ajaran Islam.

Bagaimanapun, katanya, apabila Pas bekerjasama dengan DAP, pemimpinnya menyamakan usaha itu dengan usaha Nabi Muhammad bekerjasama dengan puak Yahudi dalam mengekalkan keamanan di Madinah.

"Kenapa masa kita mula bekerjasama dengan orang bukan Islam, Pas tidak keluaran fakta sejarah nabi ini. Mengapa sekarang baru mereka ingin samakan dengan zaman nabi?"

"Jadi, Pas sebenarnya pengkhianat agama kerana sanggup menyembunyikan fakta sejarah agama hanya untuk kepentingan politik mereka," katanya.

Wakil Perhubungan Umno Terengganu, Rasul Wahid, pula mendedahkan beberapa pembohongan dan kepincangan kerajaan Pas Terengganu sejak mengambil pentadbiran kerajaan negeri itu kira-kira 19 bulan lalu.

Antaranya, pembohongan yang dilakukan oleh Menteri Besarinya, Abdul Hadi Awang yang mendakwa mempunyai berlori-lori fail berkaitan penyelewengan pemimpin Umno Terengganu sebelum ini.

Katanya, beliau sudah berkali-kali meminta Abdul Hadi membuktikan dakwaan itu ketika persidangan Dewan Undangan Negeri Terengganu, tetapi sehingga kini tuduhan itu gagal dibuktikan.

"Kita cabar kerajaan Pas Terengganu, supaya membawa mereka yang didakwa melakukan penyelewengan ke mahkamah," katanya.

Rasul juga niendedahkan kerajaan Pas Terengganu gagal menunaikan janji dalam manifestonya pada 1999 yang hingga hari ini tidak terlaksana, kecuali mengecat hijau bangunan dan menukar bendera.

Beliau juga kesal dengan pemimpin Pas Terengganu yang sanggup berbohong dengan Sultan Terengganu apabila menyatakan Penerbangan Malaysia (MAS) melakukan 11 penerbangan setiap hari ke Kuala Terengganu.

"Tetapi selepas ditanya kepada exco yang bertanggungjawab ke atas urusan itu, hanya lapan penerbangan sehari. Inilah pembohongan Pas," katanya.

Wakil Perhubungan Umno Melaka, Long Kechik, pula mengingatkan ahli Umno supaya tidak berputus asa dalam menghadapi serangan Pas kerana sebahagian besar daripada rakyat sedar akan pembohongan parti pembangkang itu.

Beliau berkata, masyarakat Islam negara ini masih menyokong perjuangan ikhlas Umno memartabatkan bangsa, agama dan negara, walaupun Pas sudah lama menanam dakyah mereka pada minda rakyat.

"Masyarakat kita masih lagi matang, masih lagi rasional dan mereka boleh menilai yang mana baik dan yang mana tidak," katanya berucap membahaskan usul agama.

Justeru, beliau meminta ahli Umno supaya memperkemas kan saf dan serta nawaitu perjuangan dan amalan masing-masing supaya tetap seiring dengan syariat Islam.

"Di samping mengganyang Pas di luar, kita perlu memperbetulkan yang di dalam. Kita perlu perkemaskan amalan kita, aktiiti kita, tindak tanduk kita supaya seiring dan serasi dengan syariat dan kehendak Allah," katanya.

Beliau berkata, parti politik bukan penentu sama ada seseorang itu memasuki syurga atau neraka seperti yang sentiasa dicanang Pas tetapi amalan seseorang itu selama hayatnya di dunia ini.